



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/7/2011

## Perhimpunan haram Bersih: Dari jalanan ke stadium

KEPUTUSAN kerajaan membenarkan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) mengadakan perhimpunan haram mereka di stadium berbanding di jalan-jalan raya sebelum ini mendapat reaksi pelbagai dalam kalangan penulis blog minggu ini. Ada yang bersetuju dengan keputusan tersebut tetapi tidak kurang juga menganggap ia satu kesilapan.

Bagaimana pun, **Kunta Kinte** dalam blog *MyKMU* ([www.mykmu.net](http://www.mykmu.net)) berpendapat, keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang membenarkan perhimpunan Bersih diadakan di dalam stadium tetapi dengan bersyarat itu merupakan tindakan demokrasi terindah seperti mana kejayaan beliau mengatasi pemberontakan Al-Maunah tanpa membabitkan pertumpahan darah.

Katanya, memberikan tempat berhimpun di dalam stadium kepada Bersih sekali gus akan mematahkan langkah Datuk Seri Anwar Ibrahim dan para penyokongnya yang cuba menimbulkan kecacauan ketika perhimpunan 9 Julai ini berlangsung bagi menyelamatkan dirinya daripada kes mahkamah.

"Ia juga memberi jalan tengah kepada (Datuk) S. Ambiga agar mempunyai pilihan selain membawa kumpulannya ke jalanan. Dalam keadaan tersebut Ambiga tidak lagi boleh (memberi alasan) mengatakan beliau tiada pilihan kecuali membawa penyokongnya ke jalan raya kerana tiada pentas lain.

"Dengan memberi kebenaran berhimpun di stadium ia bukan sahaja menyuburkan imej demokrasi negara di peringkat antarabangsa tetapi juga menghalang sebarang ada niat jahat Anwar untuk melakukan ke-

Rakyat akan menerima akibat buruknya apabila penganjur Bersih memang 'nak cari gaduh' dengan terus berkeras mahu mengadakan perhimpunan haram di Stadium Merdeka dengan alasan itu adalah janji Perdana Menteri

kecohan di Kuala Lumpur Sabtu ini," katanya.

Penulis **Azli Shukri** ([azlishukri.blogspot.com](http://azlishukri.blogspot.com)) pula berkata, persetujuan kerajaan membenarkan perhimpunan haram Bersih diadakan di dalam stadium merupakan tamparan hebat kepada pakatan pembangkang terutama Anwar kerana tiada siapa menyangka pada saat-saat akhir, Najib dapat "menjinakkan" Ambiga.

Katanya, persetujuan Ambiga untuk menerima cadangan Najib telah mengundang rasa tidak senang dalam kalangan penyokong pakatan pembangkang kerana mereka sebenarnya mahu menunjukkan pengaruh dan kuasa politik apabila berjaya membawa rakyat turun di jalanan tetapi malang ia tidak berlaku.

Katanya, dengan cara ini para penyokong Bersih akan terbahagi kepada dua kumpulan iaitu mereka yang sedia berhimpun di dalam stadium dan kumpulan yang enggan berbuat demikian kerana mahu membuat kekecohan di jalanan manakala jumlah mereka yang mahu berhimpun di stadium juga akan merosot.

"Imej Najib semakin positif di mata dunia dan rakyat jelata. Jelaslah Najib masih menjunjung tinggi kebebasan bersuara dan aman demokrasi di negara ini, sehingga lidah

Anwar menjadi kelu tidak berkata. Pendekatan Najib yang bertolak ansur dengan penganjur Bersih menyerahkan lagi kepelembagaan beliau sebagai pemimpin untuk semua kaum di negara ini," katanya.

Sementara itu, blog **Musram Rakun** ([musramrakunman.blogspot.com](http://musramrakunman.blogspot.com)) pula membidas Ambiga yang dianggap sebagai pengamal undang-undang tetapi beliau sendiri memihak undang-undang tersebut manakala kerajaan pula dianggap berlembut terhadap bekas Presiden Majlis Peguam tersebut.

"Apabila rakyat sendiri bertindak melalui laporan-laporan polis, yang kini mencecah ribuan laporan, barulah kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri bertindak 2 Julai lalu. Ibarat menipu belon, kerajaan membiarkan belon ditipu dan berkembang baru nak dipecahkan. Membiarkan api kecil menjadi besar dan merebak, baru nak dipadamkan.

"Bagi Ambiga, besi telah panas memerah, jika api dihentikan maka perlu masa untuk memanaskannya semula. Tiada pilihan, melainkan meneruskan acah mereka, mengacah dan mengacah, sehingga kerajaan kewalahan dan kedororan," katanya.

Blog **Satu Melayu** ([sa-melayu.blogspot.com](http://sa-melayu.blogspot.com)) pula berkata, penganjur Bersih jelas sengaja mahu mencabar kerajaan dan

pihak berkuasa apabila tetap mahu mengadakan perhimpunan haram itu, walaupun selepas Ambiga menghadap Yang di-Pertuan Agong, sekali gus memusnahkan harapan rakyat yang mahu ia dibatalkan.

"Justeru, gangguan awal keesediaan hidup rakyat terutamanya mereka yang tinggal di Kuala Lumpur seperti sekatan jalan raya, terpaksa diteruskan tanpa diketahui bila akan berakhir.

"Rakyat akan menerima akibat buruknya apabila penganjur Bersih memang 'nak cari gaduh' dengan terus berkeras mahu mengadakan perhimpunan haram di Stadium Merdeka dengan alasan itu adalah janji Perdana Menteri," katanya.

Bagi **Reme Ahmad** ([remgold.blogspot.com](http://remgold.blogspot.com)) pula, walaupun niat gabungan itu adalah bersih tetapi kerana wujudnya agenda politik yang dikawal oleh Anwar dan Mohamad Sabu (Timbalan Presiden Pas), maka adalah wajar jika perhimpunan Bersih diadakan di tempat yang lebih selamat seperti di dalam stadium.

"Saya harap kamu tidak *argue* (membantah) dengan berkata: 'Kami ada hak nak demo'. Saya setuju benar. Tapi apa pula hak orang yang mahu jalan raya bebas dari jam (sesak) pada Sabtu ni? Para pekedai yang tunggu customer (pelanggan) beribu-ribu? Anak saya dan rakannya perlu ke bandar KL (Kuala Lumpur) Sabtu pagi ini sebab nak ke pejabat sebuah agensi kerana dipanggil... haribulannya ditetapkan dulu lagi. Macam mana mereka nak masuk KL ni?"

"Kenapa kamu ada hak tapi saya tak ada hak? Kenapa hak kamu lebih besar daripada hak saya?" kata penulis yang berasal dari

Singapura ini.

Dalam pada itu, blog **Penyokong Pas** ([penyokongpas.wordpress.com](http://penyokongpas.wordpress.com)) pula menuduh Yang di-Pertuan Agong telah dijadikan alat oleh UMNO dan BN apabila mengeluarkan titah melarang rakyat daripada melakukan perhimpunan haram di jalanan.

"Memang kita kecewa, sebab Agong sudah dijadikan alat kepada UMNO dan BN bagi memperkecilkan Bersih. Sedih kerana institusi istana juga sudah dijadikan 'perkakas' UMNO dan BN. Dah tak ada jalan lain? Sampai guna Agong bagi mencapai matlamat politik sendiri? Nampaknya, UMNO dan BN sudah betul-betul tertekan. Bab benarkan Agong campur tangan ini sudah kes berat. Ini sudah kes melampau," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Pas akur dengan titah baginda kerana bimbang ia akan menimbulkan masalah kelak jika pada pilihan raya akan datang Pas kembali merampas Terengganu.

"Kalau ingkar, masa kita nak perintah Terengganu nanti tak jadi masalah ke? Wahid Endut sudah teringin jadi MB. Kalau bertekak dengan Tuanku, masalah pula nanti. Pas kena buat keputusan yang tepat dan tidak terburu-buru. Pandangan Tuanku ini bukan mainan. Ini suatu kenyataan yang sangat membawa makna.

"Kalau Ambiga yang ingkar dengan perintah Tuanku mungkin orang boleh terima. Namun, Pas kalau ingkar dengan perintah Tuanku - akan ada implikasi kepada undi Melayu," katanya.

Kelolaan LUKMAN ISMAIL  
[lukman@utusan.com.my](mailto:lukman@utusan.com.my)